

CUEPACS ingin temui PM kali kedua

KUALA LUMPUR, Khamis — Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), menghantar telegram kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, meminta diadakan pertemuan kali kedua untuk membincangkan permohonannya mendapatkan elaun perumahan bagi kakitangan awam.

Dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini,

Setiausaha Agungnya, Encik Jamaluddin Mohd. Isa berkata, semasa rundingan pertama diadakan dengan Perdana Menteri pada 22 Disember tahun lalu, beliau bersetuju menemui pegawai-pegawai CUEPACS sekali lagi dalam jangka masa sebulan.

Beliau berkata, pihaknya berharap Datuk Seri Dr. Mahathir akan menetapkan tarikh

bagi perjumpaan kedua ini secepat mungkin untuk menyelesaikan permohonan elaun kakitangan Kerajaan itu secara adil.

Katanya, "Semua kakitangan Kerajaan bekerja di bawah Kerajaan yang sama, oleh itu tidak bolehlah dibahagikan mereka antara kumpulan yang boleh diberi elaun rumah dan yang tidak boleh diberi elaun rumah."